

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
*Majlis Perasmian Universal Design Product SHOWCASE @ JKM-MRM***

**DI
Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan, Bangi**

**PADA
23 MAC 2015 JAM 3.00 PETANG**

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

[SALUTASI]

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama hadir ke majlis yang sangat bermakna pada hari ini iaitu Majlis Perasmian *Universal Design Product Showcase @JKM-MRM*.

Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) atas usaha yang berterusan, tanpa mengenal erti putus asa untuk menubuhkan *showcase* ini sejak dari tahun 2010 lagi. Melihat kepada bangunan *showcase* ini, ia jelas membuktikan kepada saya akan kejituan semangat, kesungguhan, tekad dan tanggungjawab yang dipikul oleh kedua-dua agensi ini untuk memastikan Orang Kurang Upaya (OKU) mempunyai peluang, ruang dan "keupayaan" sama seperti individu lain bagi memaksimumkan potensi yang dimiliki mereka.

Penubuhan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* ini adalah merupakan **simbol** kepada kedua-dua Kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk meningkatkan kesedaran pihak berkaitan dan masyarakat mengenai kepentingan *universal design* dan mempergiatkan lagi usaha untuk memperkasa dan meningkatkan kesejahteraan OKU di Malaysia.

Saya juga dimaklumkan bahawa penubuhan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* ini adalah hasil idea Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat atau dalam erti kata lain "**brain-child**" of Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat sendiri yang ingin melihat tranformasi kehidupan OKU melalui inovasi sosial dan seterusnya melahirkan masyarakat yang inklusif. Hasil idea tersebut telah mendapat kerjasama yang baik dari pihak MRM yang memberi komitmen sepenuhnya dalam usaha menjadikan projek ini sebagai suatu realiti seperti mana yang kita lihat pada hari ini. Projek ini juga telah memberi satu perubahan

paradigma kehidupan kumpulan sasaran Jabatan bukan saja OKU malah kanak-kanak dan warga emas juga turut menikmati faedah daripada penggunaan peralatan berasaskan konsep *universal design*. Sekiranya penghasilan produk *universal design* dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pihak, sudah tentu ianya mampu melahirkan **pembentukan sebuah masyarakat inklusif** serta hidup sejahtera tanpa sebarang halangan selaras kepada prinsip kesaksamaan hak (*right based*) seperti yang termaktub dalam Akta OKU 2008. Justeru itu, OKU akan dapat menjalani kehidupan secara produktif, berdikari dan bermaruah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Objektif penubuhan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* di PLPP ini adalah untuk menyebarkan konsep dan kepentingan penggunaan produk *Universal Design* di kalangan masyarakat Malaysia kerana "*Universal Design respects human diversity (since every individual is unique) and promotes the inclusion of all people in all activities of life*".

Ia selari dengan hasrat JKM untuk menjadikan PLPP sebagai Pusat Kecemerlangan OKU iaitu sebuah pusat yang dapat dijadikan sebagai pusat rujukan bagi semua berkaitan OKU seperti pendidikan, prostetik dan ortotik, aksesibiliti, dan sebagainya.

Penubuhan *showcase* ini juga adalah merupakan terjemahan daripada komitmen kerajaan terhadap Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya 2006 iaitu Obligasi No. 4, "*untuk mempromosi dan menjalankan penyelidikan dan pembangunan (RnD) ke atas produk, perkhidmatan, peralatan dan kemudahan berkonsepkan universal design.*"

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Pelbagai cabaran telah ditempuhi sehingga tertubuhnya *showcase* ini. Apa yang membanggakan, *showcase* ini adalah **yang pertama seumpamanya di Malaysia**, mempamerkan **produk-produk kegunaan harian seperti peralatan rumah, pejabat dan kegunaan bagi aktiviti luar berkonsepkan *Universal Design*** yang mempunyai ciri-ciri *usable to the greatest extent possible by people of all ages, size and with varying ABILITIES*.

Penubuhan *showcase* ini didapati sangat bertepatan dengan keperluan semasa di Malaysia terhadap produk-produk berkonsepkan *universal design*. Memang diketahui produk bercirikan *universal design* sesuai untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, keupayaan, dan sebagainya. Permintaan terhadap penghasilan produk-produk ini dijangka akan meningkat di kalangan OKU dan warga emas berdasarkan kepada unjuran jumlah OKU dan warga emas di Malaysia.

World Health Organization (WHO) menganggarkan sebanyak 15% daripada jumlah penduduk di sesebuah negara adalah OKU. Sehingga **akhir Februari 2015**, secara keseluruhannya terdapat seramai **328,509** OKU yang telah berdaftar dengan JKM melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) yang terdiri daripada OKU **masalah pembelajaran** seramai 117,752, **OKU fizikal** seramai 111,621, **OKU penglihatan** seramai 29,323, **OKU pendengaran** seramai 27,601, **OKU mental** seramai 25,564, OKU **pelbagai**

kategori seramai 15,056, dan OKU **pertuturan** seramai 1,592. Jumlah ini hanya melibatkan 1.1% daripada jumlah penduduk di Malaysia. Dari semasa ke semasa, jumlah OKU yang berdaftar dengan SMOKU JKM semakin meningkat berikutan peningkatan kesedaran di kalangan OKU untuk mendaftar dan program-program *outreach* yang dilaksanakan oleh JKM.

Begitu juga dengan warga emas, mengikut unjuran oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2009, Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014, seramai 2.69 juta warga emas terdapat di Malaysia. Ia adalah disebabkan oleh penurunan kadar kelahiran dan peningkatan jangka hayat bagi lelaki dan wanita di Malaysia. Kadar jangka hayat lelaki meningkat daripada 70.0 tahun pada tahun 2000 kepada 72.6 tahun pada tahun 2013. Bagi wanita pula kadar jangka hayat mereka meningkat daripada 74.7 tahun pada tahun 2000 kepada 77.2 tahun pada tahun 2013. Peningkatan jangka hayat penduduk adalah kesan daripada penurunan kadar kelahiran dan mortaliti, peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan dan peningkatan kawalan penyakit berjangkit yang disediakan oleh kerajaan.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk memaksimumkan potensi dan produktiviti OKU dan warga emas melalui pelbagai kaedah termasuk memastikan mereka akses kepada pendidikan, pekerjaan, pengangkutan, kemudahan awam, perkhidmatan yang disediakan, sehinggalah kepada produk yang digunakan pada setiap hari. Selain memastikan isu-isu OKU dan penuaan penduduk dapat ditangani, sudah pasti usaha menubuhkan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* ini dapat menawarkan dan menggalakkan penyedia perkhidmatan atau pengeluar produk untuk menghasilkan pelbagai pilihan produk, meningkatkan jumlah pengeluaran dan memperluaskan penggunaan produk berkonsepkan *universal design* di kalangan masyarakat.

Adalah diharapkan juga melalui penyelidikan, perkongsian kepakaran dan pelaksanaan program-program yang bakal dilaksanakan di *showcase* ini kelak, dapat mencetus minat dan menggalakkan lebih banyak pihak termasuk pencipta-pencipta muda untuk mencipta produk-produk dan kemudahan berkonsepkan *universal design*. Justeru itu, ia akan dapat membantu pihak kerajaan untuk menambah baik perancangan, perundangan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan bilangan kemudahan berkonsepkan *universal design* di Malaysia.

Penubuhan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* ini yang merupakan perkongsian kepakaran melalui Kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy-NBOS*) dan *Smart Partnership* antara JKM dan MRM adalah merupakan langkah tepat dan bijak yang diambil oleh kedua-dua Jabatan dalam memperkasa dan membangunkan rakyat dengan iltizam 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Komitmen kerajaan di peringkat antarabangsa untuk memperjuangkan hak OKU telah dibuktikan apabila negara meratifikasi **Konvensyen Mengenai Hak OKU pada 19 Julai**

2010. Ia diperkukuhkan lagi pada tahun 2013 melalui sokongan Malaysia terhadap Deklarasi Dekad Baru OKU di Peringkat Rantau Asia dan Pasifik (*New Asia and Pacific Decade of Persons with Disabilities*) bagi tempoh 2013-2022 dan menerima pakai *Incheon Strategy : To Make The Right Real for Persons with Disabilities in Asia and The Pacific* yang menekankan usaha-usaha yang perlu diambil bagi memperjuangkan hak OKU di rantau Asia dan Pasifik. Langkah ini merupakan salah satu strategi kerajaan untuk memperkukuhkan lagi kerangka dasar sedia ada dalam usaha mengurusperdanakan OKU serta memastikan penyertaan efektif mereka dalam masyarakat. Terkini bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan tindakan untuk memperkasakan OKU di Malaysia selaras dan seiring dengan komitmen kerajaan di peringkat antarabangsa, KPWKM kini sedang dalam peringkat akhir semakan **Deraf Pelan Tindakan OKU 2015-2022**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Kerajaan sentiasa memastikan pembangunan dan kebajikan OKU diutamakan. Ini terbukti apabila peruntukan berjumlah **RM461.1** juta telah diperuntukkan pada tahun 2015 untuk pembangunan OKU daripada peruntukan keseluruhan kepada KPWKM iaitu sebanyak **RM 2.24 bilion** seperti mana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa **Pembentangan Bajet 2015 pada 14 Oktober 2014**. Melalui peruntukan berkenaan, KPWKM dan JKM dapat menyediakan pelbagai kemudahan bantuan kebajikan dan perkhidmatan sokongan bagi membantu OKU memaksimumkan potensi yang ada dan seterusnya menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Melalui Pembentangan Bajet 2015 juga, kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) telah dinaikkan daripada RM300.00 kepada RM350.00 sebulan khusus kepada OKU yang bekerja dengan pendapatan di bawah RM1,200.00 sebulan. Tidak dilupakan juga kepada OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) di mana mereka turut menikmati kesan daripada bajet 2015 yang bermatlamat untuk memperkukuh kedudukan ekonomi negara dan mensejahterakan rakyat ini. Kadar Elaun BTB turut dinaikkan daripada RM150.00 kepada RM200.00 sebulan. Dengan kenaikan kadar elaun ini, telah dapat memanfaatkan lebih 110,000 OKU dengan tambahan peruntukan sebanyak RM66 juta.

Sudah pasti elaun dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan ini akan dapat **dimanfaatkan sepenuhnya oleh OKU** apabila disokong dengan peningkatan dan peluasan penyediaan aksesibiliti dan produk bercirikan *universal design* di negara ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

JKM dan institusi di bawahnya ada menghasilkan pelbagai produk inovasi atau perkhidmatan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan dan dipasarkan dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Menyedari peluang ini, Kementerian berharap kerjasama antara JKM dan MRM yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam pembangunan produk berkonsepkan *universal design*, dapat diperluaskan kepada pengeluaran produk-produk *universal design* oleh institusi-institusi JKM melalui projek *social enterprise* untuk tujuan komersial dan dapat diketengahkan bukan sahaja untuk kegunaan di JKM bahkan diperluaskan kepada masyarakat umum. Kerjasama ini adalah merupakan kerjasama serampang dua mata kerana ia bukan sahaja dapat dijadikan sebagai **platform** untuk OKU bekerja, menjana pendapatan, membina pelbagai kemahiran serta menambah

pengetahuan dalam perniagaan, bahkan dapat meningkatkan pengetahuan dan memperluaskan penggunaan produk *universal design* di kalangan masyarakat dan OKU itu sendiri.

Saya amat berharap segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk OKU akan dapat memberikan suntikan semangat kepada mereka untuk terus hidup berdikari tanpa perlu bergantung kepada mana-mana pihak dan seterusnya dapat menjadi inspirasi dan contoh yang baik kepada ahli masyarakat.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Rekabentuk Malaysia, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemuliharaan Bangi serta seluruh warga kerja KPWKM dan MOSTI yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis ini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan idea dan tenaga bagi memastikan kelancaran majlis ini.

Dengan Lafaz Bismillahirrahmanirrahim.....Saya Dengan Sukacitanya Merasmikan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM*.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wasallamualaikum W.B.T.